

# Dua hala dengan Maghribi cerah

UM 14 NOV 2001

**P**UTRAJAYA 13 Nov - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata prospek perluasan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Maghribi mempunyai masa depan cerah walaupun perdagangan semasa dianggap kecil.

Beliau berkata, usaha lebih keras diperlukan bagi menggalakkan perdagangan langsung antara Malaysia dan Maghribi kerana kedua-dua negara berkeinginan untuk membangunkan sektor minyak, teknologi maklumat (IT), pelancongan, perindustrian, kewangan dan hartanah.

"Kami telah mengenal pasti beberapa bidang bagi tumpuan kedua-dua negara dalam memperluas lagi hubungan ekonomi dan perdagangan kami," kata Dr. Mahathir pada jamuan malam khas meraikan Perdana Menteri Maghribi Abdelrahmane El Youssoufi di Seri Perdana di sini malam ini.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua negara

ialah AS\$22.6 juta pada 2000 dan AS\$13.4 juta bagi lapan bulan pertama 2001.

Dr. Mahathir berharap perjumpaan antara delegasi Maghribi dengan sektor swasta Malaysia akan membuah hasil positif.

"Sebagai jentera pertumbuhan bagi kedua-dua ekonomi dan sektor swasta perlu digalakkan untuk berinteraksi dengan lebih aktif," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beberapa syarikat Malaysia seperti Petronas, Proton dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) telah melahirkan minat untuk melabur di Maghribi, Malaysia juga mengalunkan pelabur Maghribi melabur di Malaysia.

"Saya yakin bahawa Perjanjian Perakhidmatan Udara dan MoU mengenai penubuhan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Maghribi dan antara MDC Malaysia dan Moroccan Information Technopark Company, yang ditandatangani, akan membuka jalan bagi

usaha sama bermakna antara Malaysia dan Maghribi," katanya.

Menyentuh mengenai era globalisasi, Dr. Mahathir berkata, negara-negara maju kini berdepan dengan ancaman baru yang perlu diuruskan dengan berhati-hati dan jika tidak, mereka akan kecundang dalam perjuangan untuk bertahan dan tumbuh.

"Dipercayai bahawa kesan negatif globalisasi boleh diminimumkan dengan meningkatkan kerjasama antara negara-negara membangun," katanya.

Beliau berkata dalam konteks ini, Malaysia yakin dengan kerjasama Selatan-Selatan sebagai pendekatan amat penting bagi memastikan ekonomi-ekonomi membangun tidak terpinggir.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia akan sentiasa bersedia berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan negara-negara membangun lain dan sudah menjadi falsafah negara untuk makturkan jiran kami.

Malaysia juga percaya kerjasama antara negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) adalah amat penting jika mahu pandangan didengar dan dihormati oleh kuasa-kuasa besar.

"Seperti yang ditunjukkan dalam kes Afghanistan hari ini, kegagalan kita untuk bersatu dan bercakap menggunakan satu suara boleh mendatangkan akibat yang teruk. Hari ini Afghanistan, esok mungkin Iraq dan selepas itu mungkin kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menentang keganasan dan percaya ancaman global ini terhadap kemanusiaan akan memerlukan usaha bersepadu antarabangsa bagi menangani isu itu secara komprehensif.

Dr. Mahathir mengulangi bahawa satu persidangan antarabangsa tajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu diadakan secepat mungkin bagi membincangkan isu itu, definisinya, puncanya dan strategi bagi memeranginya. Bernama